



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM.500-8/2/86 (~~40~~)

Tarikh: ~~12~~ April 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/ Puan,

PENETAPAN DOKUMEN OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI YANG KEKAL DALAM SKIM PERKHIDMATAN YANG DIJUMUDKAN DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU (SSB) DAN SISTEM SARAAN MALAYSIA (SSM)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan sedia maklum, Kerajaan telah mengeluarkan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP Bil. 1/2024) - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024**. Pekeliling ini merupakan punca kuasa bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi sistem saraan baharu dalam perkhidmatan awam merangkumi aspek pembangunan organisasi, kemampanan saraan dan pengurusan bakat.

3. Bagi urusan penawaran opsyen SSPA di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), terdapat pegawai yang masih kekal dalam skim perkhidmatan yang dijumudkan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia (SSM) serta pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang dinaik taraf kelayakan masuk dari tamat Darjah 6, Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/ Penilaian Menengah Rendah (PMR) ke

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di bawah SSPA. Justeru, berdasarkan perkara 175 dan perkara 180 dalam PP Bil.1/2024, pegawai-pegawai ini perlu ditentukan skim perkhidmatan yang berkenaan dan diberikan borang opsyen yang bersesuaian untuk membuat pilihan opsyen SSPA.

4. Terdapat empat (4) kategori pegawai yang masih kekal dalam perkhidmatan di bawah JKK 1976/ SSB/SSM atas faktor-faktor seperti berikut:

- (i) pegawai **tidak ditawarkan opsyen** penambahbaikan skim perkhidmatan dalam tempoh SSM;
- (ii) pegawai yang **menolak opsyen sistem saraan** di bawah SSB dan opsyen penambahbaikan skim perkhidmatan dalam tempoh SSM;
- (iii) pegawai yang **memilih opsyen** penambahbaikan skim perkhidmatan dalam tempoh SSM tetapi memilih untuk ditukar lantik **sehari selepas dinaikkan pangkat** secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK); atau
- (iv) **keadaan-keadaan khas lain** bagi pegawai yang **tidak memiliki kelayakan SPM** atau **tidak memenuhi syarat lain** yang ditetapkan bagi urusan pertukaran pelantikan.

5. Bagi tujuan pertukaran pelantikan ini, **pegawai hendaklah memenuhi syarat SPM yang ditetapkan seperti di dalam Lampiran B10, PP Bil.1/2024. Sekiranya pegawai tidak memenuhi syarat** yang ditetapkan, pegawai perlu memenuhi **syarat tempoh enam (6) tahun perkhidmatan** dalam jawatan yang disandang (dalam skim perkhidmatan berkelayakan masuk PT3/PRM/SRP), tidak termasuk mana-mana tempoh yang menghilangkan kekananan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa. Selain itu, pegawai juga hendaklah memenuhi keseluruhan syarat skim perkhidmatan. Sementara menunggu untuk memenuhi syarat-syarat

tersebut, pegawai dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal di bawah JKK 1976/ SSB/SSM secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan.

6. Sehubungan dengan itu, satu garis panduan telah disediakan untuk memastikan borang opsyen yang bersesuaian mengikut keadaan-keadaan pegawai seperti di **Perenggan 4**. Bersama-sama ini dikemukakan **garis panduan penetapan borang** opsyen seperti di **Lampiran 1** dan **borang** opsyen seperti di **Lampiran A hingga D**.

7. Pegawai hendaklah diberikan tempoh selama **40 hari** untuk membuat pilihan opsyen **mulai tarikh pegawai menerima dokumen** opsyen selaras dengan ketetapan PP 1/2024.

8. **Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan** pegawai adalah pada tarikh kuat kuasa opsyen bagi pegawai yang memenuhi syarat. Manakala bagi pegawai yang belum memenuhi syarat, tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan pegawai adalah **sehari selepas pegawai memenuhi syarat** yang ditetapkan.

9. Bagi pegawai yang **menerima opsyen SSPA**, pegawai **layak menerima pelarasan gaji** sepertimana yang ditetapkan di dalam PP 1/2024 **mulai tarikh kuat kuasa SSPA iaitu pada 1 Disember 2024**.

10. Ketua Jabatan hendaklah **membuat semakan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) pegawai** terlebih dahulu sebelum menentukan kategori pegawai dan borang opsyen yang bersesuaian kepada pegawai yang kekal dalam skim perkhidmatan yang dijumudkan di bawah SSB dan SSM.

11. Ketua Jabatan juga perlu memastikan **urusan penawaran opsyen** kepada pegawai **dilaksanakan dengan teratur** serta mematuhi peraturan-peraturan berkaitan pelaksanaan opsyen sepertimana yang dijelaskan dalam surat rujukan KKM.500-8/2/86 (13) bertarikh 15 Oktober 2024.

Rujukan skim perkhidmatan yang terlibat dalam KKM dan senarai pekeliling perkhidmatan yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran 2**.

12. Ketua Jabatan perlu melaporkan status pelaksanaan penawaran opsyen ini mengikut format seperti di **Lampiran 3** serta mengemukakan satu (1) salinan Borang Opsyen SSPA pegawai yang terlibat kepada pihak penyelarass SSPA KKM sebelum atau pada **16 Mei 2025** di alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 10, Blok E7, Kompleks E,
62590 PUTRAJAYA
(u.p: **Unit Skim Saraan dan Hubungan Pekerja**)

13. Selaras dengan hal ini, bagi tujuan penawaran opsyen SSPA kepada pegawai yang kekal dalam skim perkhidmatan di bawah SSB dan SSM, surat edaran ini hendaklah dibaca bersama-sama dan disifatkan sebagai sebahagian daripada syarat-syarat yang ditetapkan melalui PP 1/2024.

14. Sebarang pertanyaan berhubung penawaran opsyen SSPA ini boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

- (i) Puan Siti Rohani binti Ahmat
No. telefon: 03- 8883 3711
Emel: srohani.a@moh.gov.my
- (ii) Encik Hidzer bin Harun
No. telefon: 03-8883 2931
Emel: hidzer@moh.gov.my
- (iii) Puan Norhazlina binti Jahit
No. telefon: 03- 8883 3713
Emel: lina@moh.gov.my

15. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan dalam memastikan pelaksanaan urusan penawaran opsyen SSPA ini berjalan dengan lancar mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(NOOR AZMAN BIN ABDUL RAHMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

KSU

KPK

TKSU(P)

TKSU(K)

TKPK(P)

TKPK(S&T)

TKPK(KA)

TKPK(KP)

TKPK(PF)

TKPK(KKM)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Pembangunan
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan Dan Penswastan
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan
6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
9. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Kompetensi
10. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
11. Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
12. Pengarah
Bahagian Amalan Perubatan

13. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
14. Pengarah
Bahagian Kejururawatan
15. Pengarah
Bahagian Pendidikan Kesihatan
16. Pengarah
Bahagian Pemakanan
17. Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
18. Pengarah
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
19. Pengarah
Bahagian Perancangan
20. Pengarah
Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
21. Pengarah
Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
22. Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
23. Ketua Unit
Cawangan Audit Dalam
24. Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
25. Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari

26. Ketua Unit
Unit Integriti
27. Ketua Unit
Unit Komunikasi Korporat
28. Pengarah
Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH)

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah
Hospital Tunku Azizah

Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

Pengarah
Pusat Darah Negara

Pengarah
Institut Kanser Negara

Pengurus
Institut Kesihatan Negara

MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN

Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Lot 1853, Kg. Melayu
47000 Sungai Buloh
SELANGOR

Makmal Kesihatan Awam Ipoh
Lot 39052, Jalan Jelapang
30020 Ipoh
PERAK

Makmal Kesihatan Awam Johor Bahru
Jalan Persiaran Tanjung Tampoi,
81200 Johor Bahru
JOHOR

Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu
Lot 522, KM 10, Jalan Kuala Krai
16010 Kota Bharu
KELANTAN

Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu
Bukit Padang, Jalan Kolam
88850 Kota Kinabalu
SABAH

AGENSI AWAM

Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Level 6, Prima 9, Prima Avenue II,
Block 3547, Persiaran APEC,
63000 Cyberjaya,
SELANGOR

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Perubatan Malaysia
Kompleks Kementerian Kesihatan,
Aras 4, Blok D,
Jalan Cenderasari,
50590, KUALA LUMPUR

GARIS PANDUAN PENETAPAN DOKUMEN OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI YANG KEKAL DALAM SKIM PERKHIDMATAN YANG DIJUMUDKAN DI BAWAH SSB DAN SSM

**Sekiranya terdapat pegawai yang masih berada dalam skim perkhidmatan yang dijumudkan di bawah SSB dan SSM, PSM boleh merujuk garis panduan ini untuk menentukan borang opsyen yang bersesuaian kepada pegawai yang berkenaan.*

Kategori i: Pegawai tidak ditawarkan opsyen penambahbaikan skim perkhidmatan dalam tempoh SSM

1. Ketua Jabatan hendaklah membuat semakan dan mengesahkan bahawa pegawai tidak ditawarkan opsyen **penambahbaikan skim perkhidmatan dalam tempoh SSM**. Sekiranya pegawai disahkan tidak ditawarkan opsyen berkenaan, Ketua Jabatan hendaklah menguruskan tawaran opsyen tersebut terlebih dahulu kepada pegawai dan seterusnya **penawaran opsyen SSPA** adalah mengikut tatacara yang ditetapkan seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tindakan
1.	Urusan pertukaran pelantikan bagi opsyen penambahbaikan skim perkhidmatan di bawah SSM	
a.	Skim perkhidmatan yang dinaik taraf kelayakan masuk dari tamat Darjah 6 ke skim perkhidmatan yang dinaik taraf kepada kelayakan masuk PT3/PMR/SRP.	i. Bagi pegawai yang mempunyai kelayakan PT3/PMR/SRP atau sembilan (9) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang (dalam skim perkhidmatan berkelayakan tamat Darjah 6), Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen

Bil.	Perkara	Tindakan
		penambahbaikan skim perkhidmatan di bawah SSM kepada pegawai; ii. Tarikh kuat kuasa adalah mulai tarikh yang ditentukan oleh Ketua Jabatan dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan dalam jawatan yang disandang (dalam skim perkhidmatan berkekeluargaan tamat Darjah 6); dan iii. Ketua Jabatan hendaklah merujuk kepada Penasihat Undang-Undang di Kementerian/Jabatan /Agensi bagi penetapan tarikh pertukaran pelantikan tersebut tertakluk kepada situasi pegawai. Contohnya: pegawai tidak hadir bertugas, tertakluk kepada pemakaian pekeliling oleh agensi dan lain-lain.
2.	Urusan pertukaran pelantikan opsyen SSPA	
a.	Pegawai yang tersenarai dalam 11 skim perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i): i. Memiliki kelayakan SPM atau setaraf dan memenuhi syarat yang	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti di Lampiran H, Lampiran J

Bil.	Perkara	Tindakan
	ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024; atau ii. Jika pegawai tidak memenuhi syarat 2(a)(i), pegawai hendaklah mempunyai tempoh perkhidmatan enam (6) tahun bagi menggantikan kelayakan akademik.	atau Lampiran L PP 1/2024; dan ii. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah mulai 1 Disember 2024.
b.	i. Pegawai yang tersenarai dalam 11 skim perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i); dan ii. Tidak memiliki kelayakan SPM atau setaraf, atau memiliki kelayakan SPM atau setaraf tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti di Lampiran I, Lampiran K atau Lampiran M, PP 1/2024; ii. Tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang dikira mulai tarikh pegawai ditukar lantik di skim perkhidmatan berkelayakan PT3/PMR/SRP; dan iii. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan.
c.	Pegawai yang tidak tersenarai dalam 11 skim	

Bil.	Perkara	Tindakan
	perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i): i. Memiliki kelayakan SPM atau setaraf dan memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024; atau ii. Jika pegawai tidak memenuhi syarat 2(c)(i), pegawai hendaklah mempunyai tempoh perkhidmatan enam (6) tahun bagi menggantikan kelayakan akademik.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti Lampiran A surat ini; dan ii. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah mulai 1 Disember 2024.
d.	i. Pegawai yang tidak tersenarai dalam 11 skim perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i); dan ii. Tidak memiliki kelayakan SPM atau setaraf, atau memiliki kelayakan SPM atau setaraf tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti Lampiran B surat ini; ii. Tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang dikira mulai tarikh pegawai ditukar lantik di skim perkhidmatan berkelayakan PT3/PMR/SRP; dan iii. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan asal secara KUP dan tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan.

2. Kaedah penulisan dalam **surat tawaran opsyen SSPA** adalah seperti berikut:

Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan Gred H11 (merujuk kepada skim perkhidmatan kelayakan masuk PT3/PMR/SRP) ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am Gred H1 (merujuk kepada skim perkhidmatan SSPA).

Kategori ii: Pegawai yang menolak opsyen sistem saraan di bawah SSB dan opsyen penambahbaikan skim perkhidmatan dalam tempoh SSM

3. Pegawai dalam kategori ini adalah seperti berikut:

- i. Pegawai yang masih kekal dalam skim perkhidmatan di bawah JKK 1976/SSB **dan menolak opsyen** pertukaran pelantikan dalam skim perkhidmatan jumud kepada skim perkhidmatan yang berkuat kuasa melalui PP 23/2013; atau
- ii. Pegawai dalam SSM yang menolak opsyen penambahbaikan skim perkhidmatan di bawah SSM.

4. Pegawai dalam kategori ini tidak perlu ditawarkan opsyen penambahbaikan skim perkhidmatan di bawah SSM yang terdahulu kerana semasa opsyen diberikan, pegawai memilih untuk menolak opsyen pada masa berkenaan.

5. Tatacara **pengurusan penawaran opsiyen SSPA** kepada pegawai adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tindakan
1.	Pegawai yang masih kekal dalam skim perkhidmatan di bawah JKK 1976/SSB dan menolak opsiyen pertukaran pelantikan pegawai dalam skim perkhidmatan jumud kepada skim perkhidmatan yang berkuat kuasa melalui PP 23/2013	
a.	Memiliki kelayakan SPM atau setaraf dan memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsiyen Lampiran P, PP 1/2024 ; dan ii. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah mulai 1 Disember 2024 .
b.	Tidak memiliki kelayakan SPM atau setaraf, atau emiliki kelayakan SPM atau setaraf tetapi tidak memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsiyen Lampiran C surat ini; ii. Tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang dikira mulai 1 Disember 2024 ; dan iii. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan asal secara KUP dan tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan .

Bil.	Perkara	Tindakan
2.	Pegawai dalam SSM yang menolak opsyen penambahbaikan skim perkhidmatan di bawah SSM	
a.	Memiliki kelayakan SPM atau setaraf dan memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen Lampiran O, PP 1/2024; dan ii. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah mulai 1 Disember 2024.
b.	Tidak memiliki kelayakan SPM atau setaraf, atau memiliki kelayakan SPM atau setaraf tetapi tidak memenuhi syarat SPM yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen Lampiran D surat ini; ii. Tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang dikira mulai 1 Disember 2024; dan iii. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan asal secara KUP dan tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan.

6. Kaedah penulisan dalam **surat tawaran opsyen SSPA** adalah seperti berikut:

Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan Gred R3 (merujuk kepada skim perkhidmatan yang dijumlahkan di bawah SSB/SSM) ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am Gred H1 (merujuk kepada skim perkhidmatan SSPA).

Kategori iii: Pegawai yang menerima opsyen pertukaran pelantikan skim perkhidmatan dalam tempoh SSM tetapi memilih untuk ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara TBK

7. Pegawai dalam kategori ini adalah yang bersetuju menerima opsyen pertukaran pelantikan skim perkhidmatan di bawah SSM dan **memilih untuk ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara TBK** serta **tempoh TBK pegawai akan genap selepas SSPA berkuat kuasa.**

8. Ketua Jabatan hendaklah menjelaskan kesan tawaran opsyen SSPA ini kepada pegawai seperti berikut:

- i. Sekiranya pegawai bersetuju menerima opsyen SSPA, urusan pertukaran pelantikan pegawai ke skim perkhidmatan di bawah SSM - skim perkhidmatan dengan kelayakan masuk PT3/PMR/SRP (contoh: Pemandu Kenderaan Gred H11) **akan ditetapkan pada 30 November 2024;** dan

- ii. Dengan berkuat kuasanya pertukaran pelantikan berkenaan, maka opsyen untuk ditukar lantik **sehari selepas dinaikkan pangkat TBK adalah TERBATAL.**

9. Sekiranya pegawai jelas dan bersetuju dengan kesan penerimaan opsyen SSPA tersebut, maka Ketua Jabatan boleh meluluskan tarikh pertukaran pelantikan pegawai ke skim perkhidmatan di bawah SSM berkuat kuasa pada **30 November 2024**. Setelah selesai urusan pertukaran pelantikan tersebut, Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen SSPA berdasarkan ketetapan seperti berikut:

Bil.	PERKARA	Tindakan
1.	Urusan pertukaran pelantikan opsyen SSPA	
a.	i. Pegawai yang tersenarai dalam 11 skim perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i); dan ii. Memiliki kelayakan SPM atau setaraf dan memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti di Lampiran H, Lampiran J atau Lampiran L, PP 1/2024; dan ii. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah mulai 1 Disember 2024.
b.	i. Pegawai yang tersenarai dalam 11 skim perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i); dan ii. Tidak memiliki kelayakan SPM atau setaraf, atau memiliki kelayakan SPM atau setaraf tetapi tidak	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti di Lampiran I, Lampiran K atau Lampiran M, PP 1/2024; ii. Tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang

Bil.	PERKARA	Tindakan
	memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	dikira mulai 1 Disember 2024 ; dan iii. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan.
c.	i. Pegawai yang tidak tersenarai dalam 11 skim perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i); dan ii. Memiliki kelayakan SPM atau setaraf dan memenuhi syarat yang ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti Lampiran A surat ini; dan ii. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah mulai 1 Disember 2024 .
d.	i. Pegawai yang tidak tersenarai dalam 11 skim perkhidmatan seperti di Lampiran 1(i); dan ii. Tidak memiliki kelayakan SPM atau setaraf, atau memiliki kelayakan SPM atau setaraf tetapi tidak memenuhi syarat yang	i. Ketua Jabatan hendaklah memberikan dokumen opsyen seperti Lampiran B surat ini; ii. Tempoh enam (6) tahun perkhidmatan dalam jawatan yang disandang dikira mulai 1 Disember 2024 ; dan iii. Pegawai akan kekal dalam skim

Bil.	PERKARA	Tindakan
	ditetapkan di dalam Lampiran B10, PP 1/2024.	perkhidmatan asal secara KUP dan tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah sehari selepas pegawai memenuhi syarat yang ditetapkan.

10. Kaedah penulisan dalam **surat tawaran opsyen SSPA** adalah seperti berikut:

Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan Pemandu Kenderaan Gred H11 (merujuk kepada skim perkhidmatan kelayakan masuk PT3/PMR/SRP) ke skim perkhidmatan Pembantu Khidmat Am Gred H1 (merujuk kepada skim perkhidmatan SSPA).

Kategori iv: Keadaan-keadaan khas lain bagi pegawai yang tidak memiliki kelayakan SPM atau tidak memenuhi syarat lain yang ditetapkan bagi urusan pertukaran pelantikan.

11. Kategori ini adalah bagi pegawai yang tidak termasuk dalam kategori i hingga iii di atas tetapi masih berada dalam skim perkhidmatan yang diumumkan di bawah SSB dan SSM.

12. Sekiranya pegawai berada dalam skim perkhidmatan yang tidak dinyatakan di bawah kategori opsyen PP 1/2024 dan Lampiran 2 surat ini, PSM hendaklah mengemukakan permohonan berserta salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) yang dikemaskini kepada Unit Skim Saraan dan Huungan Pekerja, Bahagian Sumber Manusia, KKM bagi

tujuan penyelarasan untuk dikemukakan kepada JPA atas urusan penentuan skim perkhidmatan pegawai dan borang tawaran opsyen di bawah SSPA.

Penjelasan kepada Kategori D (Lampiran O): Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM di bawah PP 1/2024

13. Merujuk kepada Kategori D (Lampiran O): Opsyen Bagi Skim Perkhidmatan Yang Dijumudkan Di Bawah SSM di bawah PP 1/2024, terdapat dua (2) skim perkhidmatan yang dinaik taraf kelayakan masuk peringkat PT3/PMR/SRP ke SPM iaitu Operator Mesin Prosesan Data Gred F11, F14 serta Jaga Gred R1, R4 dan sekiranya pegawai termasuk dalam kategori yang dinyatakan di **perenggan 4 surat iringan ini**, urusan penawaran opsyen SSPA adalah seperti yang dinyatakan dalam garis panduan ini. Sekiranya pegawai dalam kategori ini telah diberikan borang opsyen di Lampiran O, PP 1/2024, maka pegawai hendaklah diberikan borang opsyen baharu yang bersesuaian mengikut kategori kes pegawai.

LAMPIRAN 1(i)

**SENARAI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN
KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SPM**

Bil.	Skim Perkhidmatan di bawah SSM	Skim Perkhidmatan di bawah SSPA
1.	Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18	Pembantu Khidmat Am Gred H1
2.	Pemandu/Operator Jentera Pemungkah Gred H11, H14, H16, H18	
3.	Pembantu Awam Gred H11, H14, H16, H18	
4.	Operator Loji Gred H11, H14, H16, H18	
5.	Bentara Parlimen Gred N11, N14, N16, N18	
6.	Penhantar Notis Gred N11, N14, N16, N18	
7.	Pembantu Operasi Gred N11, N14, N16, N18	
8.	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11, U14, U16, U18	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1
9.	Pengawal Keselamatan KP11, KP14, KP16, H18	Pembantu Keselamatan Gred KP1
10.	Pengawas Hutan Gred G11, G14	Pengawas Hutan Gred G1
11.	Pembantu Hidupan Liar Gred G11, G14	Pembantu Hidupan Liar Gred G1

LAMPIRAN 2

CADANGAN SKIM PERKHIDMATAN YANG BERKUAT KUASA DI BAWAH SSPA UNTUK PENAWARAN OPSYEN KEPADA PEGAWAI YANG KEKAL DALAM SKIM PERKHIDMATAN YANG DIJUMUDKAN/ NAIK TARAF DALAM SSB DAN SSM

BIL	SKIM PERKHIDMATAN SEDIA ADA	CADANGAN SKIM DI BAWAH SSPA	RUJUKAN PEKELILING PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN
1	Jururawat Desa	Jururawat Masyarakat Gred U1	1. JKK 1976 • Jururawat Desa C17, C4 2. SSB – PP9/1991 • Jururawat Desa U12, U11 3. SSM- PP4/2002 • Jururawat Desa U17, U22 4. PP12/2003 • pinda nama skim perkhidmatan kepada Jururawat Masyarakat • naik taraf kelayakan daripada SRP/PMR kepada SPM
2	Penolong Jururawat		1. JKK 1976 • Penolong Jururawat D14-, D3 2. SSB – PP9/1991 • Penolong Jururawat U14, U13 3. SSM- PP4/2002 • Penolong Jururawat U11, U14 4. PP21/2008 • penjumudan skim perkhidmatan Penolong Jururawat kepada Jururawat Masyarakat
3	Pembantu Awam	Pembantu Khidmat Am Gred H1	1. JKK 1976 • Pelbagai skim D40 – D47 2. SSB – PP9/1991 • Pekerja Rendah Awam (PRA) R11, R10 • Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) R10, R9
4	Pekerja Awam		
5	Pekerja Awam Khas		

BIL	SKIM PERKHIDMATAN SEDIA ADA	CADANGAN SKIM DI BAWAH SSPA	RUJUKAN PEKELILING PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN
			3. SSM- PP4/2002 • Pekerja Rendah Awam (PRA) R1, R4 • Pekerja Rendah Awam Khas (PRAK) R3, R6 4. PP 22/2007 • Pindaan nama skim perkhidmatan Pekerja Rendah Awam kepada Pekerja Awam • Pindaan nama skim perkhidmatan Pekerja Rendah Awam Khas kepada Pekerja Awam Khas 5. PP 19/2013 • gabungan skim perkhidmatan Pekerja Awam, Pekerja Awam Khas dan Penyelamat kepada Pembantu Awam H11, H14, H16, H18
6	Pembantu Operasi		1. JKK 1976 • Pembantu Am Rendah D27, D21
7	Pembantu Am Pejabat		2. SSB – PP9/1991 • Pembantu Am Rendah N13 3. SSM- PP4/2002 • Pembantu Am Rendah N1, N4 4. PP 14/2006 • Pinda nama Pembantu Am Pejabat (PAP) 5. PP19/2013 • Pembantu Operasi N11, N14, N16, N18* (*Gred baru pada PP1/2016)
8	Pembantu Tadbir Rendah		1. JKK 1976 • Jurutaip D11, D3 2. SSB – PP9/1991 • Pembantu Tadbir Rendah N11, N10 3. SSM- PP4/2002 • Pembantu Tadbir Rendah N11, N14

BIL	SKIM PERKHIDMATAN SEDIA ADA	CADANGAN SKIM DI BAWAH SSPA	RUJUKAN PEKELILING PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN
			4. PP 6/2009 • penjumudan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah kepada skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
9	Pemandu Kenderaan		1. JKK 1976 • Pemandu Kereta, Van, Lori dan Bas D43-1 2. SSB – PP9/1991 • Pemandu Kenderaan Bermotor R10, R9 3. SSM- PP4/2002 • Pemandu Kenderaan Bermotor R3, R6 4. PP 14/2006 • Pinda nama Pemandu Kenderaan 5. PP 17/2013 • naik taraf syarat lantikan skim dari tamat sekolah rendah bantuan kerajaan kepada memiliki kelayakan PMR
10	Pembantu Perawatan Kesihatan	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U1	1. JKK 1976 • Atendan Hospital Otak D25, D16, D5 • Atendan Hospital D27, D21, D7 • Atendan Makmal D28, D26 2. SSB – PP9/1991 • Atendan Kesihatan U16, U15, U14 3. SSM- PP4/2002 • Atendan Kesihatan U1, U2, U12 4. PP13/2003 • Atendan Kesihatan U3*, U12, U14 (*Gred baru PP13/2003) • naik taraf syarat lantikan daripada tamat sekolah rendah bantuan

BIL	SKIM PERKHIDMATAN SEDIA ADA	CADANGAN SKIM DI BAWAH SSPA	RUJUKAN PEKELILING PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN
			kerajaan kepada Tamat Tingkatan Tiga. 5. PP9/2012 • pindaan nama skim perkhidmatan Atendan Kesihatan kepada Pembantu Perawatan Kesihatan 6. PP18/2013 • Pembantu Perawatan Kesihatan U11, U14, U16, U18
11	Tukang Masak	Pembantu Penyediaan Makanan Gred N1	1. JKK 1976 • Penolong Dapur/Tukang Masak D28, D27, D21 2. SSB – PP9/1991 • Tukang Masak N13, N12 3. SSM- PP4/2002 • Tukang Masak N1, N4 4. PP8/2009 • naik taraf kelayakan syarat lantikan skim perkhidmatan daripada tamat sekolah rendah bantuan kerajaan kepada kelayakan SPM 5. PP9/2012 • pinda nama skim perkhidmatan Tukang Masak kepada Pembantu Penyediaan Makanan N19, N22, N26, N28
12	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 23 Tahun 2013 Pertukaran Pelantikan Pegawai Dalam Skim Perkhidmatan Jumud Kepada Skim Perkhidmatan Yang Berkuatkuasa		
13	Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia		

Rujukan pekeling perkhidmatan yang seperti di atas adalah panduan untuk pengurus sumber manusia dalam melaksanakan urusan penawaran opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam kepada pegawai yang kekal dalam skim perkhidmatan yang dijumlahkan atau dinaik taraf dalam Sistem Saraan Baru atau Sistem Saraan Malaysia dan perlu dibaca bersekali dengan mana-mana pekeling yang berkuat kuasa

LAMPIRAN 3

STATUS PELAKSANAAN OPSYEN TUKAR LANTIK BAGI PEGAWAI YANG KEKAL DALAM SKIM PERKHIDMATAN YANG DIJUMUDKAN DI BAWAH SISTEM SARAAN BARU (SSB) DAN SISTEM SARAAN MALAYSIA (SSM)

Bil	Nama Pegawai	Skim Perkhidmatan Sebelum SSPA		Skim Perkhidmatan SSPA		Status Penerimaan Opsyen	Aktiviti / Program	Jenis Borang Opsyen
		Nama Skim	Gred Skim	Nama Skim	Gred Skim			
<i>cth</i>	<i>Zainab binti Ibrahim</i>	<i>Penolong Jururawat</i>	<i>U12</i>	<i>Jururawat Masyarakat</i>	<i>U1</i>	<i>Terima (belum memenuhi syarat)</i>	<i>3.2.2</i>	<i>D</i>

**OPSYEN BAGI SKIM PERKHIDMATAN
YANG DINAIK TARAF DENGAN
KELAYAKAN MASUK PERINGKAT
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT
SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM)**

**SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM**

**SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024**

**BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN
KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)**

ARAHAN

1. Pegawai yang berada dalam skim perkhidmatan SELAIN daripada 11 skim perkhidmatan di Lampiran 1 surat ini (skim perkhidmatan dengan kelayakan masuk PT3/PMR/SRP).
2. Lampiran A1 hingga A4 hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam dua (2) salinan.
 - SATU (1) salinan untuk jabatan.
 - SATU (1) salinan untuk pegawai.
3. Pegawai perlu mengembalikan Lampiran A2 dan A3 kepada Ketua Jabatan.

(Diisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan :

Kepada :

.....
.....

(Nama dan Alamat Pejabat Terkini)

BAHAGIAN A

1. Nama :
2. No. K/P :
3. Maklumat Perkhidmatan Semasa:
 - (i) Nama Skim Perkhidmatan :
 - (ii) Sistem Saraan : Sistem Saraan Malaysia (SSM)
 - (iii) Gred Hakiki :
 - (iv) Gaji Hakiki pada 30 November 2024 :
 - (v) Jadual Gaji : Min: RM.....hingga Maks: RM.....
 - (vi) Tarikh Pergerakan Gaji :

BAHAGIAN B

4. Tuan/puan dengan ini ditawarkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dari skim perkhidmatan ke skim perkhidmatan berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 dan gaji tuan/puan mulai 1 Disember 2024 ditetapkan seperti berikut:
- (i) Gred :
- (ii) Jadual Gaji : Min: RM.....hingga Maks: RM.....
- (iii) Gaji : RM.....
5. Sekiranya tuan/puan **tidak bersetuju** menerima opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, gaji tuan/puan adalah kekal seperti yang dinyatakan dalam **Perenggan 3(iv), Bahagian A** surat tawaran ini.
6. Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan **dikekalkan/berubah** kepada:*
- (i) 1 Jan ☐ (ii) 1 Apr ☐ (iii) 1 Jul ☐ (iv) 1 Okt ☐
- * Sila tandakan ✓ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.*
7. Tuan/puan dikehendaki **MEMBACA** dan **MEMAHAMI** semua kandungan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan surat ini.
8. Tuan/puan juga dikehendaki **MELENGKAPKAN** dan **MENANDATANGANI** borang opsyen di **Lampiran A3** dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan **sebelum atau pada** Tempoh opsyen yang diberikan adalah selama **40 hari** mulai tarikh tuan/puan menerima dokumen opsyen ini.
9. (i) Opsyen tuan/puan hendaklah dibuat dengan **JELAS** dan **TANPA BERSYARAT**.
- (ii) Sekiranya tuan/puan **BERSETUJU** menerima opsyen ini, tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam.
- (iii) Sekiranya tuan/puan **TIDAK BERSETUJU** menerima opsyen ini, tuan/puan akan terus kekal dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

(iv) Sekiranya tuan/puan **tidak membuat pilihan opsyen** atau membuat opsyen:

- (a) **tidak jelas;**
- (b) **dengan bersyarat;**
- (c) **dengan bantahan;**
- (d) **dengan pindaan; atau**
- (e) **tidak mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan,**

tuan/puan **disifatkan sebagai tidak bersetuju** menerima tawaran Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 dan tuan/puan akan terus **kekai** dalam skim perkhidmatan dan syarat perkhidmatan yang berkuat kuasa di bawah Sistem Saraan Malaysia secara Khas Untuk Penyandang kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Perenggan 194 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

10. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini dan kemudiannya tuan/puan meletak jawatan (kecuali meletak jawatan untuk menjawat jawatan lain dengan agensi kerajaan) atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya **terbatal**.
11. Sekiranya tuan/puan ditahan kerja atau digantung kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib pada bila-bila masa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.
12. Sekiranya tuan/puan dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa sebelum 1 Disember 2024, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan sewajarnya dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum atau pada 1 Disember 2024.

13. Opsyen tuan/puan adalah **MUKTAMAD**.


Tandatangan Ketua Jabatan :

Nama :

Jawatan :

Alamat Jabatan :

Tarikh :



Cap Rasmi

**SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI
MENGENAI PENERIMAAN SURAT
TAWARAN OPSYEN SISTEM
SARAAN PERKHIDMATAN AWAM**

**SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI
MENGENAI PENERIMAAN SURAT TAWARAN OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM**

**BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN
KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)**

*[Surat Akuan ini hendaklah dikembalikan kepada Ketua Jabatan sebaik sahaja pegawai menerima
Surat Tawaran Opsyen di Lampiran A1 (salinan pegawai) dan Borang Opsyen di Lampiran A3]*

Kepada :
.....
.....
.....
.....
(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini - diisi oleh Ketua Jabatan)

Saya dengan ini mengaku menerima **Surat Tawaran Opsyen Sistem Saraan
Perkhidmatan Awam** berserta dengan **Borang Opsyen** mengikut Pekeliling
Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024.

Tandatangan :

Nama :

No. K/P :

Jawatan :

(Pegawai)

Tarikh :

**BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN
PERKHIDMATAN AWAM**

BORANG OPSYEN
SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI TETAP
MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2024

BAGI SKIM PERKHIDMATAN YANG DINAIK TARAF DENGAN
KELAYAKAN MASUK PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

(PEGAWAI YANG MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN
DI BAWAH SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM)

(Opsyen ini hendaklah dibuat oleh pegawai)

Kepada:

.....

.....

.....

(Ketua Jabatan dan Alamat Pejabat Terkini)*

Tuan/Puan,

Merujuk kepada surat tuan/puan rujukan:* bertarikh*
yang menawarkan opsyen Sistem Saraan Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan
Bilangan 1 Tahun 2024, maka dengan ini saya membuat opsyen:**

